

15/12/1999

Pemimpin pelapis barisi Kabinet baru

Kadir Dikoh

BARISAN Kabinet baru Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menampilkan beberapa pemimpin muda dan muka baru dalam hierarki kepemimpinan kerajaan.

Antara mereka yang mewakili Umno ialah Datuk Hishammuddin Hussein, 38, sebagai Menteri Belia dan Sukan; Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz, 45, (Menteri Pembangunan Usahawan) dan muka baru, Datuk Effendi Norwawi, 51, sebagai Menteri Pertanian, menggantikan Datuk Amar Sulaiman Daud. Seorang lagi ialah Datuk Azmi Khalid, 58, yang dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Pemimpin muda dari MCA adalah Datuk Ong Ka Ting, 43, (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan Datuk Dr Fong Chan Onn, 46, (Menteri Sumber Manusia). Ramai lagi pemimpin pelapis kedua, ketiga dan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen termasuk dari MIC, Gerakan serta Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

Pelantikan Hishammuddin sebagai menteri penuh dilihat usaha awal mendidiknya sebagai pemimpin pada akan datang. Dalam usia muda, pemangku Ketua Pemuda Umno itu dilihat mempunyai masa depan cerah, meskipun perlu menghadapi banyak cabaran pada masa akan datang.

"Bakat Hishammuddin memang ada tetapi sejarah Umno memperlihatkan bukan mudah naik ke puncak. Contoh terdahulu menunjukkan tokoh muda ketika itu seperti Datuk Harun Idris (1970-an) dan Datuk Suhaimi Kamaruddin, tidak sampai ke puncak. Begitu juga Datuk Seri Anwar Ibrahim yang hampir ke puncak sebelum sinarnya malap.

"Tan Sri Muhyiddin Yassin yang pernah dilihat begitu menonjol, masih belum berada dalam keadaan selesa sedangkan dalam Umno beliau pernah menjawat jawatan Naib Presiden Umno.

"Naib Presiden Datuk Najib Tun Razak yang menang tipis dalam pilihan raya umum lalu pula masih mempunyai masa untuk memperbaiki kedudukannya," kata pemerhati politik.

Seorang lagi tokoh muda yang sedang meningkat ialah Datuk Nazri Aziz yang sebelum ini namanya hampir tenggelam. Namanya pernah naik mendadak ketika berada di barisan depan Pemuda Umno. Beliau pernah memangku jawatan Ketua Pemuda Umno pada 1995 apabila ketuanya, Tan Sri Rahim Tamby Chik bercuti berikutan dakwaan salah laku seks dengan gadis bawah umur.

Kedua-dua, Hishammuddin dan Nazri dilihat berpotensi untuk diketengahkan sebagai pemimpin pelapis yang mungkin penonjolan mereka lebih ketara dalam tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun akan datang.

Namun, sesetengah pemerhati pula tidak menolak pemimpin muda dari negeri yang mungkin berada di barisan sama seperti Hishammuddin dan Nazri meskipun dijarakkan oleh usia.

Antaranya ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohammed Ali Rustam.

Begitu pun, prestasi semua yang dilantik ke jawatan sama ada dalam kerajaan Pusat atau peringkat negeri tetap dinilai dari semasa ke semasa.

Harapan rakyat begitu tinggi kepada mereka yang diharapkan memenuhi kehendak orang ramai apatah lagi menangani ancaman Pas.

Bagi politik Sarawak, penampilan Effendi dilihat sebagai membuka peluang kepadanya untuk menimba pengalaman baru. Effendi yang kali pertama bertanding kerusi Parlimen dan menang selesa, baru dalam politik. Tokoh korporat itu sebenarnya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Dalat di Sarawak pada usia 43 tahun dan kerusi itu masih dipegangnya hingga sekarang.

Pengerusi Natseven TV (ntv7) itu antara tokoh yang sedang dididik untuk mengambil alih pucuk pimpinan Sarawak. Yang lain ialah Datuk Adenan Satem dan Datuk Abang Johari Tun Openg, kedua-duanya menteri kanan dalam Kabinet Sarawak.

Abang Johari adalah Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) manakala Adenan dan Effendi, Naib Presiden - hierarki yang sama seperti Umno untuk naik ke atas.

Sebelum ini, Abang Johari diura-ura akan mengambil alih tempat Sulaiman tetapi tidak dicalonkan untuk kerusi Parlimen. Sebaliknya, nama Effendi dimasukkan, dipercayai pada saat terakhir untuk bertanding kerusi Parlimen Kuala Rajang.

"Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud turut menyediakan lebih daripada seorang nama untuk diketengahkan sebagai pemimpin yang bakal mengambil alih tempatnya sebagai Ketua Menteri Sarawak.

"Oleh itu, penampilan pada peringkat Kerajaan Pusat, memberi peluang kepada Effendi menimba pengalaman, tetapi ia bergantung kepada prestasi masing-masing," kata pemerhati.

Namun, kriteria utama Dr Mahathir dalam pemilihan anggota Kabinetnya kali ini berdasarkan prestasi mereka ketika menyandang jawatan, selain soal memberi peluang kepada pemimpin pelapis untuk ditonjolkan dalam kepimpinan negara.

Pelantikan bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamad, sebagai Menteri Pendidikan yang baru adalah berita agak mengejutkan kerana portfolio pendidikan lazimnya dipegang pemimpin kanan. Kementerian Pendidikan sering dijadikan landasan politik disebabkan ia pernah dianggap pangkalan kuasa kerana guru dan pensyarah adalah antara orang yang berpengaruh dalam masyarakat.

Pelantikan bekas Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib sebagai timbalan menteri dan bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin sebagai Setiausaha Parlimen, bukan menteri penuh, banyak juga menimbulkan persoalan.

Ada yang berpendapat, selepas ini menteri besar dan ketua menteri tidak semestinya dinaikkan sebagai menteri penuh apabila mereka berpindah ke Pusat. Jika prestasi mereka baik, peluang untuk dilantik ke jawatan lebih tinggi tetap ada.

Ketiadaan wakil dari Kelantan dan Terengganu dalam senarai Kabinet, memang boleh diramalkan. Pada penggal ini rakyat di kedua-dua negeri itu menolak kerajaan Barisan Nasional (BN). Oleh itu, mereka tiada wakil di Parlimen. Jika ada pun, ia mungkin dibuat kemudian.

Pelantikan semula Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan dan Datuk Seri Rafizah Aziz sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, menunjukkan Dr Mahathir mahu dasar ekonomi yang ada diteruskan ketika negara sedang pulih daripada kegawatan ekonomi.

(END)